



06 AUG, 2020

Lokasi wajib pakai pelitup muka

Berita Harian, Malaysia

Lokasi wajib pakai pelitup muka

Kuala Lumpur: Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengeluarkan senarai bagi menjelaskan lokasi orang ramai wajib memakai pelitup muka untuk membendung penularan COVID-19.

Lokasi yang disenaraikan oleh MKN ialah masjid dan surau; rumah ibadat bukan Islam; majlis sosial; pengangkutan awam; zoo; bas serta van sekolah; lokasi sukan dan rekreasi (ketika tidak melakukan aktiviti) dan premis kesihatan iaitu klinik dan hospital.

Lokasi lain ialah pasar awam serta pasar tani; pawagam serta acara secara langsung; salun kecantikan serta rambut; spa, pusat reflexologi dan pusat hiburan keluarga.

MKN juga menyenaraikan lokasi peruncitan termasuk kedai dobi, kedai, restoran, kompleks beli-belah, pasar raya, bengkel dan stesen minyak.

Orang ramai boleh memperoleh maklumat berkaitan menerusi www.mkn.gov.my.

Dimana saya WAJIB memakai pelitup muka dan hidung?

- 1 Masjid & Surau
- 2 Rumah Ibadat Bukan Islam
- 3 Majlis Sosial
- 4 Pengangkutan Awam
- 5 Zoo
- 6 Bas/Van Sekolah
- 7 Sukan & Rekreasi
• WAJIB semasa di kawasan premis / venue / tempat awam apabila tidak melakukan aktiviti sukan.
- 8 Premis Kesihatan
• Klinik dan hospital
- 9 Pasar-Pasar Awam/Tani
- 10 Pawagam & Acara Langsung (Live Event)
- 11 Peruncitan
• Kedai • Pasaraya
• Dobi • Bengkel
• Restoran • Stesen minyak
• Kompleks membeli belah
- 12 Gunting Rambut & Salun-salun Kecantikan
- 13 SPA, Pusat Kecantikan & Refleksologi
- 14 Pusat Hiburan Keluarga

Tempat Awam dan sesak

Ruang tertutup yang bercampur ramai orang

Untuk maklumat lanjut mengenai SOP PKPP sila layari :-

www.mkn.gov.my

Majlis Keselamatan Negara
 @MKNUPM
 Majlis Keselamatan Negara (Rasmi)
 @mkn_rasmi



06 AUG, 2020

Lokasi wajib pakai pelitup muka

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Majlis Keselamatan Negara (MKN) mengeluarkan senarai bagi menjelaskan lokasi orang ramai wajib memakai pelitup muka untuk membendung penularan COVID-19. Lokasi yang disenaraikan oleh MKN ialah masjid dan surau; rumah ibadat bukan Islam; majlis sosial; pengangkutan awam; zoo; bas serta van sekolah; lokasi sukan dan rekreasi (ketika tidak melakukan aktiviti) dan premis kesihatan iaitu klinik dan hospital.